



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

**SEMBAH UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENGURNIAAN SUMBANGAN SEMPENA**  
**HARI KEBANGSAAN 2024 BERSAMA KOMUNITI**  
**KUALA LUMPUR**

**26 OGOS 2024**

**DEWAN KOMUNITI SENTUL**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

Menghadap  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong  
Raja Zarith Sofiah

## MUKADIMAH

Ampun Tuanku,

1. Patik dengan penuh takzim merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat mencemar duli ke Majlis Pengurniaan Sumbangan Sempena Hari Kebangsaan 2024 bersama komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada petang ini.
  
2. Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku amat bermakna buat patik-

patik sekalian serta menyerikan lagi majlis yang penuh barakah ini. Keberangkatan Duli Tuanku melambangkan keprihatinan dan kasih sayang Tuanku yang tidak berbelah bahagi terhadap patik-patik sekalian.

Ampun Tuanku,

3. Patik pohon limpah perkenan KDYMM SPB Tuanku untuk mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat yang hadir.

**Yang Amat Berbahagia**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail**

**Isteri Perdana Menteri Malaysia**

**Yang Berhormat**  
**Tuan P. Prabakaran**  
Ahli Parlimen Batu

**Yang Berbahagia**  
**Dato' Indera Noridah Abdul Rahim**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Wilayah Persekutuan

**Yang Berbahagia**  
**Dato' Seri TPr. (Dr.) Maimunah Mohd Sharif**  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

**Yang Berusaha**  
**Encik Hishamuddin Abdul Rahim**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

## **JUNJUNG KASIH ATAS KURNIAAN SUMBANGAN**

Ampun Tuanku,

4. Alhamdulillah, pada hari ini kita dapat berkumpul dalam semangat kebersamaan untuk menyantuni komuniti memerlukan di Kuala Lumpur, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

5. Program ini bukan sahaja dapat mengukuhkan rasa kekitaan tetapi juga dapat menguatkan komitmen kita dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik, khususnya para asnaf.
  
6. Patik dengan penuh rasa syukur dan penghormatan menjunjung kasih atas perkenan KDYMM SPB Tuanku untuk mengurniakan sumbangan wang tunai dan bakul makanan pada hari ini.
  
7. Majlis ini adalah bukti yang nyata bahawa kita semua, tanpa mengira latar belakang, boleh bersama-sama berganding bahu dalam memastikan

tiada yang tercicir di tengah kemakmuran negara.

8. Ini selaras dengan aspirasi negara kita yang terus berusaha untuk membangunkan masyarakat yang lebih inklusif dan sejahtera.

## **PENUTUP**

Ampun Tuanku.

9. Demikianlah sahaja ucapan sembah aluan patik pada hari ini. Patik sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri



Paduka Baginda Tuanku mencemar duli berangkat ke majlis pada hari ini.

10. Patik-patik sekalian rakyat akan terus mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan sekalian kaum kerabat dikurniakan keafiatan dalam memerintah negara Malaysia.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah  
wassalamu'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Menjunjung kasih tuanku.